

23 MAR 1996

Mahathir-MCA

PERDANA MENTERI PUJI SIKAP TOLAK ANSUR MCA

TANJUNG MALIM, 23 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keharmonian dan sikap tolak-ansur dalam pimpinan MCA mencerminkan kestabilan parti itu dan Barisan Nasional (BN).

"Itu hak MCA tetapi yang penting ia adalah untuk kebaikan dan kestabilan bersama BN," kata Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN hari ini ketika diminta mengulas perkembangan terbaru mengenai calon bagi jawatan Timbalan Presiden MCA pada pemilihan parti itu Julai depan.

Semalam Naib Presiden parti itu Datuk Lim Ah Lek menawarkan diri untuk bertanding bagi jawatan Timbalan Presiden. Serentak dengan itu Setiausaha Agung Datuk Dr Ting Chew Peh pula mengumumkan keputusan untuk tidak menentang Lim.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menyempurnakan upacara pecah tanah tapak Bandar Raya Proton di Behrang, kira-kira 3km dari sini, beliau berkata sikap pemimpin MCA itu patut dicontohi oleh parti-parti komponen BN yang lain.

"Dalam DAP, siapapun tidak pernah komen meskipun yang ada hanya seorang setiausaha agung," katanya.

"Sampai dia mati dialah jadi setiausaha agung, sekarang dia menyediakan anaknya untuk mengambil alih tempatnya," katanya.

Menurut Dr Mahathir, apa yang diamalkan DAP jelas menunjukkan yang ia tidak ubah seperti konsep feudal yang paling buruk.

Mengenai gesaan DAP supaya kerajaan mengeluarkan kertas putih berhubung kedudukan kilang besi waja Perwaja, Perdana Menteri berkata buat masa ini kerajaan tidak berpendapat ia perlu dilakukan semata-mata kerana hendak memuaskan kepentingan DAP.

Beliau berkata DAP tidak henti-henti melaung-laungkan desakannya semata-mata untuk mencapai tujuan politiknya.

Beliau berkata: "Kami berminat untuk menyelesaikan masalah, itulah cara kami, bukan seperti DAP yang hanya berminat untuk berdiri di atas rostrum."

Ketika diminta mengulas keputusan Timbalan Presiden Akar Bersatu Datuk Jeffery Kitingan untuk keluar daripada parti itu, Dr Mahathir enggan memberi ulasannya selain berkata itu adalah pilihan dia. -- BERNAMA

ZAB NMO